

Perpustakaan UMS Anjur Emerald Review Writing Competition

Terakhir dikemaskini: Rabu, 07 Ogos 2019 16:24 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 112

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**RABU, 7
OGOS -**
Perpustakaan
Universiti
Malaysia
Sabah (UMS)
mengadakan
*Emerald
Review
Writing
Competition*
bertempat di
Bilik
Multimedia
Perpustakaan
hari ini.
Pertandingan
itu antara lain
bertujuan
untuk

mempelbagaikan kegunaan sumber rujukan yang dilanggan oleh UMS dalam pangkalan data *Emerald* serta memberikan kemahiran membuat semakan artikel (*review article*) kepada peserta.

Dalam masa sama pertandingan itu juga bagi meningkatkan keyakinan dan kemahiran penulisan peserta serta memastikan pihak pembekal atau penerbit memberikan perkhidmatan selepas jualan seperti yang dijanjikan.

Seramai 15 peserta telah mengambil bahagian yang terdiri daripada pensyarah fakulti dan pelajar pascasiswazah UMS.

Terdahulu, satu sesi ceramah turut diadakan di Auditorium Perpustakaan yang bertajuk “How to Critically Evaluate a Manuscript.”

Dihadiri seramai 30 pelajar dan pensyarah, ceramah itu disampaikan Penolong Profesor Kanan Universiti Brunei Darussalam, Dr. Mamunur Rashid.

Dr. Mamunur turut menjadi juri *Emerald Review Writing Competition* bersama Prof. Dr. Mohd. Dahlan A. Malek dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS dan Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid dari Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan UMS.